

ASEAN-MAHATHIR 2 1978

KUALA LUMPUR, 14 DIS. (BERNAMA) — ASEAN MUNGKIN MENIMBANGKAN LANGKAH-LANGKAH TINDAK BALAS SEKIRANYA USAHA-USAHA PERSATUAN ITU MENDAPATKAN AUSTRALIA SUPAYA MENGGAJI SEMULA DASAR BARU PENERBANGAN AWAMNYA ITU TIDAK BERHASIL, DEMIKIAN KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MALAM INI.

BELIAU BERKATA, +KITA BELUM LAGI TIBA DI PERINGKAT UNTUK MENIMBANGKAN LANGKAH-LANGKAH TERSEBUT, TETAPI KITA MUNGKIN MENIMBANG-KANNYA SEKIRANYA KITA MENDAPATI BAHAWA KITA TELAH DIKECEWAKAN.+

BELIAU OPTIMISTIK BAHAWA MESYUARAT MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN DI SINI SEKARANG INI AKAN MENGAMBIL PENDIRIAN BERSAMA DALAM RUNDINGAN UDARA ASEAN-AUSTRALIA YANG AKAN DIADAKAN DI CANBERRA TIDAK LAMA LAGI.

BELIAU BERKATA, +KITA MEMANDANG BERAT TERHADAP PERATURAN UDARA BARU YANG AKAN MENJEJASKAN KEMAJUAN PELANCUNGAN DI RANTAU INI DAN JUGA KEPENTINGAN SYARIKAT-SYARIKAT PENERBANGAN YANG KECIL.+

DI BAWAH DASAR BARU ITU, QANTAS DAN BRITISH AIRWAYS MENAWARKAN PERKHIDMATAN MURAH ANTARA AUSTRALIA DENGAN BRITAIN TANPA MEMBENARKAN PERSINGGAHAN ATAU MEMBENARKAN PERSINGGAHAN SETELAH DIKENAKAN BAYARAN TAMBAHAN YANG BESAR.

SINGAPURA YANG AKAN TERJEJAS TERUK DENGAN PERATURAN ITU MENDAKWA JUMLAH 200,000 ORANG PELANCUNG AUSTRALIA KE PULAU ITU AKAN BERKURANGAN SEPARUH. — BERSAMBUNG 2144/LK

EE

B675:

ASEAN-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR 2 1978

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KELIMA-LIMA MENTERI EKONOMI ASEAN TELAH MENGADAKAN MESYUARAT TERTUTUP MENGENAI PERKARA ITU PETANG INI TANPA PEMBANTU-PEMBANTU MEREKA.

KATANYA, RUNDINGAN MENGENAI PERKARA ITU AKAN DITERUSKAN ESOK BAGI MENYELESAIKAN BEBERAPA PERKARA LAGI UNTUK MEMUTUSKAN SATU SIKAP ATAU PENDIRIAN BERSAMA MENGENAINYA.

KATANYA, MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN TIDAK PUASHATI DENGAN CADANGAN JEPUN BAGI PUSAT KERJASAMA JEPUN-ASEAN MENGENAI PERDAGANGAN, PELANCUNGAN DAN PELABURAN SEBAGAI GANTI KEPADA SEAPCENTRE YANG ADA SEKARANG.

KATANYA, +KITA BERPENDAPAT BAHAWA BADAN SEBAGAIMANA YANG DICADANGKAN OLEH JEPUN ITU TIDAK AKAN MEMBERI FAEDAH KITA CADANGAN ITU PERLU DIRUNDINGKAN SEMULA.+

SETIAUSAHA AGUNG ASEAN, DATUK HAJI ALI ABDULLAH TELAH DIMINTA SUPAYA MENERUSKAN RUNDINGAN SEMULA ITU. — BERSAMBUNG 2151/LK

ASEAN—MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA, 500 JENIS BARANGAN BARU TELAH DITAMBAH KEPADA SENARAI BARANGAN DI BAWAH PERATURAN KEISTI-MEWAAN PERDAGANGAN (PTA) MENJADIKAN JUMLAHNYA KEPADA 1,326.

KATANYA, JAWATANKUASA MENGENAI PERDANGAN DAN PELANCUNGAN TELAH DIMINTA MENKKAJI SEMULA KELICINAN PTA BAGI MENENTUKAN SAMADA PERLU DIPERLUASKAN LAGI JENIS BARANGAN UNTUK DIMASUKKAN KEDALAM SENARAI TERSEBUT ATAU SAMA ADA POTONGAN TARIFF 10 PERATUS ITU MEMADAI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, MESYUARAT YANG BERJALAN SEKARANG INI JUGA TELAH MENKKAJI SEMULA TENTANG KEMAJUAN LIMA PROJEK PERINDUSTRIAN ASEAN. DUA PROJEK UREA BAGI MALAYSIA DAN INDONESIA ITU DIJANGKA DIBERESKAN DALAM MESYUARAT YANG SEDANG BERJALAN ITU.

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA ASEAN SANGAT BERMINAT BAGI MENERUSKAN KELIMA-LIMA PROJEK YANG TELAH DITETAPKAN ITU, TETAPI +KITA MAHUKAN MEREKA BENAR-BENAR AKAN MENJADI KUKUH DAN BUKANNYA SEMATA-MATA UNTUK PRESTIG.+ -- BERSAMBUNG 2200/ZCM

ASEAN—MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR 2'2'2'

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA, MESYUARAT ITU TELAH MENKKAJI SEMULA HUBUNGAN PERDAGANGAN DENGAN PERSATUAN EKONOMI EROPAH (EEC), AMERIKA SYARIKAT, JEPUN, AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND.

KATANYA, +PADA UMUMNYA, KITA MENDAPATI BAHAWA DIALOG-DIALOG KITA DENGAN MEREKA TIDAK MENDATANGKAN APA-APA KESAN YANG BESAR, SELAIN DARIPADA MENGETAHUI MASALAH-MASALAH DAN SIKAP MASING-MASING.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA MESYUARAT ITU TELAH BERSETUJU MENGADAKAN SIMPANAN SEBANYAK 50,000 TAN METRIK BERAS DI BAWAH SEKIM SIMPANAN KESELAMATAN BAHAN MAKANAN.

KATANYA, PARA MENTERI EKONOMI ASEAN TELAH MENGARAHKAN SUPAYA BEKALAN DARI SIMPANAN ITU HENDAKLAN DIADAKAN DALAM TEMPOH DUA HARI DI MASA-MASA DARURAT. -- BERNAMA 2204/LK